



Keadilan Dijunjung Budi Disanjung

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera.
Bismillahir Rahmanir Rahim.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana buat pertama kalinya Beta dapat hadir di Majlis Perasmian Mesyuarat Agung Majlis Orang-Orang Besar Perak yang ke-8 pada hari ini.

Sistem Orang-Orang Besar di negeri Perak ini telah wujud zaman-berzaman. Pada suatu masa dahulu, Orang-Orang Besar adalah ibarat ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai kanan kerajaan. Merekalah yang menguruskan pentadbiran bagi pihak raja, baik di peringkat negeri ataupun daerah. Mereka adalah perantaraan di antara raja dengan rakyat dan rakyat dengan raja.

Titah Ucapan sempena Majlis Perasmian Mesyuarat Agung yang ke-8 Majlis Orang-Orang Besar Perak Darul Ridzuan di Wisma Wan Mohamed, Jalan Kelab, Ipoh, 15hb. Disember 1984.



Hari ini keadaan telah banyak berubah. Raja tidak lagi mempunyai kuasa mutlak. Ia adalah Raja Berperlembagaan. Pentadbiran kerajaan diambil alih oleh wakil yang dipilih oleh rakyat dan dijalankan oleh pegawai kerajaan. Peranan Orang-Orang Besar juga turut berubah. Orang-Orang Besar tidak lagi boleh mengutip cukai seperti zaman dahulu. Peranan Orang-Orang Besar hari ini adalah terhad jika dibandingkan dengan suatu masa dahulu. Ini adalah satu hakikat yang tidak dapat dinafikan. Kuasa raja juga turut terhad kepada apa yang ditetapkan oleh perlembagaan kita. Hakikat itu mesti difahami dan kita hendaklah menyesuaikan diri dengannya.

“Sejarah menunjukkan bahawa kejatuhan raja dan ketua negara kerap kali adalah disebabkan oleh nasihat dan maklumat yang salah yang disampaikan kepada raja atau ketua negara itu. Demikian juga, adalah menjadi tanggungjawab Orang-Orang Besar untuk menyampaikan maklumat yang betul berkenaan raja dan kerajaan kepada rakyat.”

Walaupun bidang kuasa Orang-Orang Besar pada hari ini adalah terhad, ini tidak bererti bahawa peranan Orang-Orang Besar sudah tidak penting lagi. Peranan Orang-Orang Besar adalah penting, terutama sekali sebagai perantaraan di antara raja dengan rakyat dan sebaliknya. Orang-Orang Besar adalah mata dan telinga Beta. Adalah menjadi tanggungjawab Orang-Orang Besar untuk memaklumkan kepada Beta keadaan semasa di negeri Perak ini. Dalam perkara ini, maklumat yang betul adalah amat penting. Sejarah menunjukkan bahawa kejatuhan raja dan ketua negara kerap kali adalah disebabkan oleh nasihat dan maklumat yang salah yang disampaikan kepada raja atau ketua negara itu. Demikian juga, adalah menjadi tanggungjawab Orang-Orang Besar untuk menyampaikan maklumat yang betul berkenaan raja dan kerajaan



kepada rakyat. Dengan itu, rakyat dapat mengetahui keadaan yang sebenar dan menilai baik buruknya pemerintahan Beta.

Orang-Orang Besar ibarat cermin bagi Beta. Apa yang Orang-Orang Besar lakukan akan mencerminkan peribadi dan pemerintahan Beta. Oleh itu, adalah amat penting bahawa Orang-Orang Besar menunjukkan peribadi dan teladan yang baik. Orang-Orang Besar hendaklah jujur dalam menjalankan tugas masing-masing. Janganlah menyalahgunakan kuasa atau kedudukan masing-masing. Hendaklah ada persefahaman di antara Orang-Orang Besar. Sekiranya ada perselisihan, misalnya berkenaan adat istiadat, perselisihan faham itu hendaklah diselesaikan dalam Majlis Orang-Orang Besar. Di samping itu, Beta tidak ingin mendengar adanya hasut-menghasut di antara satu sama lain. Sepanjang sejarah, faktor inilah yang melemahkan pemerintahan raja-raja Melayu. Beta tidak ingin perkara seperti itu berulang lagi pada zaman moden ini.

Akhir kata, Beta menyeru Orang-Orang Besar Beta memberi kerjasama sepenuhnya kepada Beta dan kerajaan agar pentadbiran negeri Perak akan berjalan dengan baik. Dengan itu, negeri Perak akan menjadi sebuah negeri yang aman dan makmur.

Dengan harapan itu, Beta Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani, merasmikan Mesyuarat Agung yang ke-8 Majlis Orang-Orang Besar Perak Darul Ridzuan.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.